

Lindungi Kesihatan Rakyat Ketika Peralihan Politik

Keutamaan tertinggi sesebuah kerajaan adalah untuk melindungi kesihatan dan keselamatan rakyat mereka. Peralihan politik tidak wajar menjejaskan usaha membendung pandemik COVID-19, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Oleh itu, Gabungan Kesihatan Malaysia menggesa semua pemimpin politik untuk sentiasa mengutamakan kesihatan dan kebajikan Rakyat.

Kami ingin menekankan tiga iktibar penting yang telah dipelajari daripada peralihan politik pada Mac 2020 yang lalu:

1. Membudayakan ketelusan

Bakal Perdana Menteri dan Jemaah Menteri mesti memahami dan mengakui situasi sebenar untuk pandemik COVID-19, dan selalu memberi data yang telus dan lengkap kepada Rakyat. Perkongsian data pandemik secara telus akan meningkatkan kepercayaan Rakyat, dan membolehkan Rakyat untuk menilai tahap risiko sendiri dengan lebih tepat. Ketelusan data juga membantu pengagihan sumber dan dana dengan lebih berkesan.

2. Menggubal dasar kesihatan dan dasar awam berasaskan sains

Kami menggesa kerajaan untuk menggubal dasar kesihatan dengan berpaksikan data dan bukti yang kukuh. Kerajaan juga perlu menerangkan bukti, metodologi (kaedah), justifikasi serta pertimbangan mereka untuk sebarang keputusan penting, bukan hanya sekadar mengumumkan keputusan mereka tanpa penjelasan. Prosedur Operasi Standard (SOP) mestilah berasaskan bukti, mudah difahami dan dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

3. Menyelaraskan tadbir-urus Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri, di antara kementerian, dan dengan pertubuhan masyarakat

Penularan wabak Covid-19 telah membuktikan bahawa usaha Kementerian Kesihatan sahaja adalah tidak mencukupi untuk membendung pandemik ini. Oleh itu, penyelarasan pentadbiran awam antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri (misalnya melalui sebuah Majlis Kerajaan Persekutuan-Negeri) perlu diwujudkan untuk memastikan tiada percanggahan fungsi and pelaksanaan. Selain itu, agensi-agensi Kementerian (terutamanya kesihatan, ekonomi, keselamatan dan kebajikan) perlu bekerjasama dengan proaktif dengan pertubuhan masyarakat, untuk membendung Covid-19 secara menyeluruh. Akhirnya, kerajaan Malaysia perlu memperkasakan masyarakat Malaysia dan melibatkan seluruh Rakyat dalam usaha membendung wabak ini.

Kami menyarankan agar Jemaah Menteri baharu diterajui oleh golongan profesional yang berwibawa dan berkecayaan tinggi. Kerajaan baharu mesti mengimbangkan kesihatan dengan pemulihan ekonomi, demokrasi dan masyarakat kita dalam masa terdekat. Dari segi kesihatan, kerajaan perlu memberikan sokongan kewangan, politik dan moral yang mencukupi untuk semua petugas barisan hadapan.

Rakyat dan sistem kesihatan kita semakin tenat. Kami menuntut agar semua pemimpin politik mengutamakan rakyat Malaysia dan kesihatan kita.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (senarai penuh boleh dirujuk di myhealthcoalition.org)

17 Ogos 2021